| Bil | Isi Kandungan | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Bilakah saya boleh mendaftar anak saya di Tabika KEMAS? | 2 |
| 2 | Bagaimanakah saya boleh mendaftarkan anak saya ke Tabika Kemas? | 2 |
| 3 | Berapakah yuran yang perlu saya bayar? | 2 |
| 4 | Bagaimanakan saya boleh mengetahui perkembangan dan kemajuan anak saya? | 2 |
| 5 | Berapa lamakah tempoh pengajaran dan pembelajaran Tabika KEMAS? | 3 |
| 6 | Apakah Kurikulum yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di Tabika KEMAS? | 3 |
| 7 | Bagaimana kami mahu menghubungi pihak KEMAS bagi mendapatkan maklumat lanjut? | 4 |


## Isi Kandungan 1:

**Bilakah saya boleh mendaftar anak saya di Tabika KEMAS?**

Kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun boleh mendaftar mulai bulan Jun hingga Disember untuk kemasukan ke tahun berikutnya.

### Isi Kandungan 2:

**Bagaimanakah saya boleh mendaftarkan anak saya ke Tabika Kemas?**

1. Ibu bapa/penjaga yang ingin mendaftar anak-anak mereka boleh mendapatkan borang pendaftaran di Tabika yang berdekatan dengan kawasan kediaman dengan membawa salinan surat kelahiran.

2. Bilangan pengambilan kanak-kanak terhad kepada 30 orang sahaja. Keutamaan diberi kepada kanak-kanak berumur 6 tahun dan mendaftar awal.

### Isi Kandungan 3:

**Berapakah yuran yang perlu saya bayar?**

a) Ibu bapa/penjaga perlu membayar dua (2) jenis bayaran iaitu :

1. Yuran pendaftaran sebanyak RM10 bagi membiayai insurans kanak-kanak dan sebagai komitmen ibu bapa menghantar anaknya hadir belajar di Tabika KEMAS.

2. Sumbangan ibu bapa sebanyak RM10 hingga RM25 mengikut persetujuan jawatankuasa bagi membiayai perkara-perkara berikut :

- Elaun Pembantu Pemaju Masyarakat (sukarela)
- Sewaan bangunan
- Bayaran utiliti
- Aktiviti kokurikulum yang melibatkan kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat

b) Sumbangan ini dikutip sehingga kerajaan membiayai perkara-perkara tersebut di atas.

### Isi Kandungan 4:

**Bagaimanakan saya boleh mengetahui perkembangan dan kemajuan anak saya?**

a) Setiap Tabika KEMAS akan mengadakan Hari Terbuka sebanyak 2 kali setahun iaitu pada bulan Mei dan Oktober untuk berbincang dengan guru berkaitan perkembangan dan pencapaian anak-anak mereka.

b) Namun demikian, ibu bapa juga boleh bertemu dengan guru dan bertanya secara terus pada setiap masa semasa sesi persekolahan.

### Isi Kandungan 5:

**Berapa lamakah tempoh pengajaran dan pembelajaran Tabika KEMAS?**

a) Tempoh pengajaran dan pembelajaran di Tabika KEMAS adalah 3 1⁄2 jam mulai jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi.

b) Selain itu, KEMAS turut melaksanakan tambahan masa 2 jam ( 1 jam bagi setiap sesi) seminggu selepas waktu pengajaran dan pembelajaran untuk menjalankan aktiviti kokurikulum seperti kelas fardhu ain dan iqra`, bahasa inggeris, muzik, seni mempertahankan diri atau senaman dan seni tari mengikut keperluan.

**Isi Kandungan 6:**

**Apakah Kurikulum yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di Tabika KEMAS?**

a) Tabika KEMAS mengguna pakai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) mengikut Akta Pendidikan 1996 (pindaan 2002) yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

b) Anak anda akan belajar mengikut 6 komponen pembelajaran yang dilaksanakan secara bersepadu iaitu :-

1. Bahasa dan komunikasi
2. Perkembangan Kognitif
3. Kerohanian dan Moral
4. Perkembangan Sosio emosi
5. Perkembangan Fizikal
6. Kreativiti dan Estetika

**Isi Kandungan 7:**

**Bagaimana kami mahu menghubungi pihak KEMAS bagi mendapatkan maklumat lanjut?**

Sila hubungi KEMAS Negeri berhampiran anda seperti maklumat dibawah

| NEGERI | ALAMAT | TEL/FAKS | EMEL |
|---|---|---|---|
| Ibu Pejabat | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS), KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** | Tel: +603-8891 2000 Faks: | Emel: info[@]kemas.gov.my |

| NEGERI | ALAMAT | TEL/FAKS | EMEL |
|---|---|---|---|
| | Aras 5-9, No 47, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya. | +603-8888 2312 | |
| Perlis | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) PERLIS**<br>Tingkat Bawah, Bangunan Persekutuan Lama,<br>01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan. | Tel:<br>04 – 976 1023 / 977 4860<br>Faks :<br>04 – 976 3772 | Emel:<br>kemas_perlis[@]kemas.gov.my |
| Kedah | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) KEDAH**<br>Aras 2, Zon A, Wisma Persekutuan<br>Pusat Pentadbiran Kerajaan<br>06550 Bandar Muadzam Shah<br>Anak Bukit, Kedah Darul Aman | Tel:<br>04 – 732 2966 / 6891<br>Faks :<br>04 – 732 4075 | Emel:<br>kemas_kedah[@]kemas.gov.my |
| Pulau Pinang | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) PULAU PINANG**<br>Aras 2, Anjung A,<br>Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara<br>Jalan Bertam<br>13200 Kepala Batas<br>Pulau Pinang | Tel :<br>04 – 575 5781 / 575 5762<br>Faks :<br>04 – 575 5760 | Emel:<br>kemas_penang[@]kemas.gov.my |
| Perak | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) PERAK**<br>Block C, Tingkat 2-3<br>Bangunan Persekutuan Guna Sama<br>Jalan Dato' Seri Ahmad Said<br>30450 Ipoh<br>Perak Darul Ridzuan | Tel :<br>05 – 2535322<br>Faks :<br>05 – 25587003 | Emel:<br>kemas_perak[@]kemas.gov.my |
| Selangor | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) SELANGOR**<br>Lot 03-04, Tingkat 3,<br>Kompleks PKNS, Persiaran Tasik<br>40505 Shah Alam<br>Selangor Darul Ehsan | Tel:<br>03 – 5519 3044<br>Faks :<br>03 – 5519 9533 | Emel:<br>kemas_selangor2[@]kemas.gov.my |
| Negeri Sembilan | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI SEMBILAN**<br>Tingkat 6, Wisma Persekutuan<br>Jalan Dato' Abdul Kadir<br>70000 Seremban<br>Negeri Sembilan | Tel:<br>06-763 8114<br>Faks :<br>06-764 0844 | Emel:<br>kemas_sembilan[@]kemas.gov.my |
| Melaka | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) MELAKA** | Tel: 06-234 5000<br>Faks : | Emel:<br>kemas_melaka[@]ke |

| NEGERI | ALAMAT | TEL/FAKS | EMEL |
|---|---|---|---|
| | Tingkat 2, Menara Persekutuan<br>Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya<br>75450 Ayer Keroh, Melaka | 06-234 5010 | mas.gov.my |
| Johor | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) JOHOR**<br>Tingkat 6, Blok A, Wisma Persekutuan,<br>Jalan Air Molek,<br>80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim | Tel : 07-2278941<br>Faks :<br>07-2241579 | Emel:<br>kemas_johor[@]kemas.gov.my |
| Pahang | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) PAHANG**<br>Tingkat 5 Wisma Persekutuan,<br>Jalan Gambut<br>25000 Kuantan<br>Pahang Darul Makmur | Tel : 09-516 1636<br>Faks :<br>09-515 8177 | Emel:<br>kemas_pahang[@]kemas.gov.my |
| Terengganu | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) TERENGGANU**<br>Tingkat 10, Wisma Persekutuan<br>Jalan Sultan Ismail<br>20200 Kuala Terengganu<br>Terengganu Darul Iman | Tel : 09-622 1321<br>Faks :<br>09-622 6422 | Emel:<br>kemas_terengganu[@]kemas.gov.my |
| Kelantan | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) KELANTAN**<br>Tingkat 9, Wisma Persekutuan<br>Jalan Bayam, 15517 Kota Bharu<br>Kelantan Darul Naim | Tel:<br>09 – 744 1051<br>Faks :<br>09 – 744 7723 | Emel:<br>kemas_kelantan[@]kemas.gov.my |
| Sabah | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) SABAH**<br>Aras 5, Blok A,<br>Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah<br>Jalan UMS – Sulaman Likas<br>Peti Surat 11281<br>88800 Kota Kinabalu, Sabah | Tel :<br>088 – 488 407<br>Faks :<br>088 – 488 411 | Emel:<br>kemas_sabah[@]kemas.gov.my |
| Sarawak | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) SARAWAK**<br>Tingkat 6 & 7, Bangunan Sultan Iskandar<br>Jalan Simpang Tiga,<br>93300 Kuching, Sarawak | Tel :<br>082 – 251 420<br>Faks :<br>082 – 244 460 | Emel:<br>kemas_sarawak[@]kemas.gov.my |
| Wilayah Persekutuan | **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) WILAYAH PERSEKUTUAN**<br>Tingkat 28, Menara TH Perdana<br>Jalan Sultan Ismail<br>55250 Kuala Lumpur | Tel :<br>03 – 2698 8080<br>Faks :<br>03 – 2698 8562 | Emel:<br>kemas_wilayah[@]kemas.gov.my |

Sumber Rujukan : https://www.kemas.gov.my/